

KELUARAN 01/2012 (APRIL 2012)

# BULETIN QE/5S PUSAT KESIHATAN

EDARAN DALAMAN SAHAJA

## GOTONG ROYONG PERDANA 2012 (SIRI 1)

Jumaat 17.2.2012 Aktiviti gotong-royong Perdana 2012 (siri 1) telah berjaya diadakan seperti mana yang dirancang dalam pelan tindakan QE/5S 2012. Tema Gotong Royong Perdana kali ini adalah KITAR SEMULA. Semua staf telah terlibat kecuali yang diarah bertugas bagi memastikan perjalanan perkhidmatan pesakit tidak terjejas. Pengarah Pusat Kesihatan Dr. Zaiton Nasir telah sudi melapangkan masa untuk bersama-sama dalam aktiviti ini. Komitmen yang ditunjukkan ini amat bermakna sekali dan sekali gus membakar semangat staf untuk bersama-sama merealisasikan kejayaan mengekalkan pensijilan

Acara dimulakan dengan pertandingan mengenal tong kitar semua. Peserta telah diberikan dengan berbagai jenis barangan terbuang. Mereka dikehendaki memasukkan barangan terbuang tersebut kedalam tong yang betul. Pemenang adalah peserta yang berjaya memasukkan seberapa banyak barangan tersebut kedalam tong yang betul dalam masa yang ditetapkan. Selesai pertandingan staf menikmati minum pagi sebelum meneruskan aktiviti gotong royong di seluruh kawasan Pusat Kesihatan sehingga pukul 5 petang. Semoga segala usaha kita semua akan membuahkan hasil dan beroleh kejayaan dalam mendapatkan pensijilan semula QE/5S ini.



Staf berhimpun untuk sesi taklimat



Ucapan oleh Pengarah Pusat Kesihatan



Pelancaran Kitar Semula

### SEKITAR PERTANDINGAN MENGENAL 'TONG KITAR SEMULA'



### SEKITAR AKTIVITI GOTONG ROYONG



## LANTIKAN BARU AJK QE/5S PUSAT KESIHATAN

### 1.FASILITATOR

Dua muka baru telah dilantik sebagai fasilitator dari kalangan paramedik bagi menggantikan Dr Sahari Hamid dan Dr Norhazlina Hashim. Lantikan ini bertujuan mengurangkan pegawai perubatan terlibat dengan mesyuarat bagi menjamin fungsi pusat tidak terjejas. Fasilitator yang baru dilantik adalah Sister Siti Katijah Ibrahim dan Sister Rokiah Haming Sumpa.



Sister Siti Katijah Ibrahim



Sister Rokiah Haming Sumpa



En Pauzi Ibrahim



Puan Hafizah Mohamed

### 2.KETUA KUMPULAN BARU

Dua kumpulan telah mendapat ketua baru. Puan Hafizah Mohamed Setiausaha Pejabat telah dilantik sebagai ketua Kumpulan Nilam bagi menggantikan Matron Mahani Daud yang bersara wajib pada 14 Jan 2012 yang lepas. En Pauzi Ibrahim Penolong Pegawai Perubatan Kanan pula dilantik sebagai Ketua Kumpulan Berlian menggantikan Sister Siti Katijah Ibrahim yang telah dilantik sebagai fasilitator.

Terima kasih diucapkan kepada kedua-dua bekas fasilitator dan ketua kumpulan diatas sumbangan dan bakti yang ditaburkan dalam mempermudah kerja-kerja berkaitan QE/5S kepada semua warga Pusat Kesihatan selama ini. Budi tuan/puan hanya Allah sahaja yang dapat membalas.

Kepada fasilitator dan ketua kumpulan baru kehadiran tuan/puan amat dialu-alukan. Adalah diharapkan kehadiran tuan/puan mencerai-kan lagi dan menaikkan semangat warga Pusat untuk menggandakan minat dan usaha kearah kecermerlangan Amalan QE/5S ini.

## BENGKEL PEMANTAPAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S)

Bengkel Pemantapan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) telah diadakan selama 4 hari iaitu dari 31 Januari - 3 Februari 2012 di Hotel Rossa Pasadena, Cameron Highland. Bengkel ini telah dihadiri seramai 28 orang peserta dari Pusat Kesihatan UiTM. Hasil daripada bengkel ini, Pusat Kesihatan telah Berjaya menyiapkan 2 buah buku manual iaitu Manual Pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti dan Manual Audit Persekitaran Berkualiti. Disamping itu, koleksi gambar-gambar *kaizen* dan inovasi juga telah berjaya dikumpulkan. Terima kasih kepada semua peserta bengkel yang telah bertungkus lumus menyumbangkan idea dan tenaga bagi memastikan kejayaan bengkel tersebut.



Gambar-gambar sekitar bengkel



## KEPUTUSAN PERTANDINGAN QE/5S

### PERTANDINGAN CARIAN TERPANTAS (21hb Okt 2011)

**Pemenang :**

Pertama – Haslinda Kasmin  
Kedua – Norazah Padil  
Ketiga – Nor Azlina Nawawi

### PERTANDINGAN PEMATUHAN AMALAN 3S (21hb Sept 2011)

Pertandingan ini diadakan oleh auditor dalaman dan di nilai dari jumlah penandaan 3S (sisih, susun, sapu) yang di berikan kepada kawasan kumpulan-kumpulan QE/5S. Pertandingan bertujuan melihat kumpulan yang sentiasa mengamal 3S.

### PEMEMANG BERSAMA – ZAMRUD & NILAM



### PERTANDINGAN SUSUN ATUR PERALATAN/BARANGAN (TARIKH 29 MAC 2012)

Pertandingan dikategorikan kepada stor & tempat-tempat khas (Pejabat, Bilik Rawatan Pergigian, Makmal, Kaunter Pendaftaran dan Bilik Rawatan Perubatan).

**KEPUTUSAN PERTANDINGAN:**

Untuk Stor:

Petama : Zamrud  
Kedua : Berlian  
Ketiga : Delima

Untuk tempat-tempat khas:

Pertama : Delima  
Kedua : Zamrud, Kecubung dan Berlian.



### Pertandingan 'SOP' Mesra (Tarikh : 20 Jan 2012)

Setiap kumpulan telah menghantar 2 set 'SOP' untuk dipertandingkan

Penilaian berdasarkan: Mudah difahami oleh pembaca/pelanggan, terang, menarik

Auditor terlibat : Dr. Normala dan Sr. Rokiah.

**Pemenang :**  
Pertama : Kumpulan Delima  
Kedua : Kumpulan Kecubung  
Ketiga : Kumpulan Nilam



**Penaung**

Y Bhg. Prof. Dato' Dr Abdullah Mohamad Said

**Penasihat**

Dr Zaiton Nasir

**Ketua Editor**

Dr Adibah Mokhtar

**Sumbangan artikel**

Dr Hasanah Bahar

Dr Rose Nani Yahya

**Konsep dan Rekabentuk**

Dr Dzulkifli Sahlan

**LAWATAN  
PENANDAARASAN  
QE/5S KE PUSAT  
KESIHATAN**



29/12/2011: Universiti Malaysia Pahang



26/1/2012 : Bahagian Hal Ehwal Peperiksaan  
UiTM Shah Alam



14/2/2012 : Pusat Kesihatan  
Universiti Malaysia Terengganu



14/2/2012 : Unit Pengurusan Kebajikan HEP

**LAWATAN PENANDAARASAN PUSAT  
KESIHATAN KE AGENSI LUAR**

**LAWATAN PENANDA ARASAN QE/5S KE TNB KULAI AYA**

Pada 20hb. Mac 2012 seramai 21 orang staf Pusat Kesihatan telah mengadakan lawatan penandaarasan ke TNB Kulai Jaya. Rombongan lawatan kerja ini diketuai oleh Pengarah Pusat Kesihatan Dr Zaiton Nasir.

Pemilihan organisasi ini adalah berdasarkan kepada status mereka yang telah pun mendapat Pensijilan dari MPC pada 2007 serta berjaya mengekalkan dan memperbaharui setiap tahun. Organisasi ini juga telah menyertai Konvensyen QE/5S anjuran MPC pada 2009 dan 2011 dan merangkul Johan Kategori Swasta dan Johan Keseluruhan. Di harapkan lawatan ini dapat dimanfaatkan oleh peserta serta memaklumkan hasil lawatan kepada ahli-ahli kumpulan yang lain yang tidak turut serta. Peserta haruslah mencontohi mereka terutama dari segi budaya yang diamalkan oleh tuan rumah sehingga membawa mereka kepada kejayaan cemerlang, memperbaiki sikap dan komitmen terhadap aktiviti dan amalan QE/5S ditempat kerja serta memperbanyakkan inovasi seperti contoh yang ditunjukkan oleh mereka.



Sekitar lawatan

**LAWATAN PENANDA ARASAN QE/ 5S KE PEJABAT TANAH KULAIJAYA**

Pada 21hb. Mac 2012 seramai 21 orang staf Pusat Kesihatan telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Pejabat Tanah Kulai Jaya.

Organisasi ini merupakan sektor awam pertama di Johor yang mendapat Pensijilan QE/5S dari MPC di Johor, menyertai Konvensyen QE/5S anjuran MPC pada 2011 dan berjaya mendapat Anugerah Emas Tiga Bintang.

Kepada tuan rumah yang sanggup menerima kami serta tidak lokek berkongsi ilmu dan pengetahuan hanya ucapan terima kasih yang tidak terhingga yang mampu diucapkan.



Sekitar lawatan